



THE AMAZING SHARPENER

MUHAMMAD AFHAM BIN BIDIN
SK SUNGAI PENCHALA, KUALA LUMPUR

ABSTRAK

Masalah kelas kotor akibat sisa-sisa asahan pensel bertaburan di atas lantai menjadi fenomena biasa terutama di sekolah rendah. Fenomena ini berlaku kerana pengasah pensel yang digunakan oleh majoriti murid tiada ruang penyimpanan atau mempunyai ruang penyimpanan sisa asahan bersaiz kecil yang dibeli di pasaran. Akibatnya banyak sisa-sisa asahan pensel bertaburan di atas lantai dan menjejaskan keceriaan kelas. Dari sehari ke sehari masalah persekitaran kelas kotor terus berlaku terutama pada masa Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang melibatkan aktiviti menggantung dan menampal gambar. Cebisan kertas daripada aktiviti menggantung dan menampal menambahkan lagi masalah kelas kotor. Walaupun bakul sampah disediakan di belakang kelas tetapi masalah kelas kotor masih berlaku sehingga terdapat cebisan kertas di luar bakul sampah. Pengasah pensel yang mempunyai ruang penyimpanan sisa asahan yang kecil juga memerlukan murid bergerak ke belakang kelas bagi membuang sisa tersebut setelah penuh. Natiujahnya murid tidak fokus semasa PdPc berlangsung kerana bergerak membuang sisa asahan pensel. Bertindak bagi mengatasi masalah ini, pengkaji telah melaksanakan pembelajaran berasaskan projek berteraskan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dengan menghasilkan The Amazing Sharpener bagi mengatasi masalah ruang penyimpanan sisa-sisa asahan pensel yang kecil kepada yang lebih besar, bertutup dan tidak perlu lagi bergerak bagi membuang sisa-sisa asahan pensel yang boleh mengganggu tumpuan murid dalam PdPc. Impaknya sekolah semakin bersih, PdPc berlangsung dengan lancar, tumpuan murid dalam pelajaran semakin meningkat dan tanggungjawab menguruskan sisa-sisa buangan beralih kepada para murid.

Kata kunci : kebersihan, ruang yang kecil, pengasah pensel

Objektif-objektif pelaksanaan projek adalah seperti berikut :


1. Penciptaan *The Amazing Sharpener* yang mempunyai ruang penyimpanan sisa-sisa asahan paling besar di dunia.
2. Mengelakkan sisa-sisa asahan pensel bertaburan di atas lantai sehingga mengotori kelas.
3. Kebersihan kelas dan sekolah terpelihara sepanjang masa.
4. Meningkatkan tumpuan dan fokus murid semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung.
5. Murid tidak perlu bergerak lagi untuk membuang sisa-sisa asahan pensel atau cebisan kertas daripada aktiviti menggantung dan menampal ke dalam bakul sampah di belakang kelas.



PENILAIAN DAN REFLEKSI (KEBERHASILAN)

Berdasarkan pemerhatian pada hari dan minggu berikutnya di dapati kelas tersebut sudah tiada lagi kesan daripada habuk pensil yang di asah oleh murid.

- Keadaan kelas kotor dan berhabuk
- Murid menjawab soalan soal selidik .
- murid menyediakan bahan dan peralatan.
 1. Pengasah pensil kecil
 2. Botol minuman
 3. Pistol pemanas gam (hot glue gun)
 4. Gunting
 5. Pisau



- Murid mereka cipta The Amazing Sharpener dengan bimbingan daripada guru terutama dalam mengenali peralatan.

SEBELUM

SEMASA

SELEPAS

- Murid menguji hasil rekaan mereka dengan menggunakan pensil masing-masing.
- Sisa -sisa hasil mengasah pensil tidak mengotorkan kawasan kelas.

